

25/05/2001

Kerajaan tolak monopoli kantin (HL)

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan dipercayai membatalkan keputusan memberikan kontrak membekalkan makanan kepada asrama sekolah di seluruh negara bernilai kira-kira RM300 juta kepada dua syarikat.

Keputusan itu dipercayai bagi menyekat monopoli dalam kegiatan perniagaan yang selama ini sebahagian besarnya dilaksanakan oleh pembekal kecil Bumiputera.

Sumber-sumber memberitahu Berita Harian, pembatalan itu dibuat berikutan bantahan beberapa pihak, terutama Gabungan Konsortium Pembekal Makanan Bermasak (GKPMB).

Pada akhir 1999, Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri (EPU) dilaporkan bersetuju memberi kontrak penswastaan itu kepada Besta Distributors Berhad dan Mas Catering-Advent-TNTC Sdn Bhd (Masat).

Berikutan itu, GPKMB mengemukakan memorandum menyatakan bantahan mereka kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Gabungan itu menyifatkan keputusan berkenaan tidak wajar kerana ia menutup peluang berniaga syarikat Bumiputera.

GPKMB turut mempertikaikan kontrak itu yang menurutnya ditawarkan bagi tempoh 10 tahun pada harga RM9.96 seorang sehari berbanding RM5 seorang sehari, dengan kenaikan empat peratus setahun.

Berikutan bantahan itu, Masat menarik diri daripada program itu dan diganti dengan Konsortium Sajian Masak Sdn Bhd.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Nazri Aziz, ketika dihubungi mengenai pembatalan itu bagaimanapun enggan mengulas.

"Kena tanya Pak Lah (Abdullah). Dia yang bawa ke Kabinet," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua GPKMB, Syed Isa Syed Ali, berkata pihaknya belum dimaklumkan kerajaan mengenai perkara itu, tetapi GPKMB masih menunggu kebenaran untuk berbincang dengan EPU berhubung bantahan mereka.

Bagaimanapun, katanya, beliau tidak terkejut dengan berita pembatalan itu kerana ia pernah dibayangkan dalam perbincangan mereka dengan Kementerian Pendidikan bulan lalu.

"Program itu boleh diibaratkan sebagai ditangguh. Hari ini saya menandatangani sambungan kontrak selama dua tahun lagi untuk pembekal sedia ada di Perak," katanya sambil menambah tempoh sambungan kontrak biasanya antara enam bulan hingga setahun.

Beliau berkata, pembekal sedia ada di dua negeri iaitu Negeri Sembilan dan Melaka yang sepatutnya menjadi perintis pelaksanaan program itu, kini hanya menunggu penyambungan kontrak untuk tempoh enam bulan lagi.

Syed Isa berkata, GPKMB akan terus membantah dan mendesak kerajaan jika program itu diteruskan bagi memastikan syarikat Bumiputera di bawah gabungan itu serta kira-kira 6,000 pekerja tidak hilang pekerjaan.

(END)